

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil dalam usaha mengesan lokasi sebenar dan membawa balik Low Taek Jho atau Jho Low.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain Malaysia, Singapura juga telah memfailkan pertuduhan terhadap Low Taek Jho pada tahun 2016 dan telah memperolehi *Red Notice* dari INTERPOL pada tahun yang sama. Amerika Syarikat juga telah memfailkan pertuduhan di mahkamah di New York pada 2018 dan waran tangkap telah dikeluarkan ke atas Jho Low pada tahun yang sama. Walau bagaimanapun, INTERPOL yang dianggotai oleh 194 buah negara (*member countries*) tetapi sehingga ke hari ini tiada sebarang maklumat yang diterima oleh Malaysia atau Singapura mahupun Amerika Syarikat daripada mana-mana negara ahli INTERPOL berhubung keberadaan Jho Low. Pada tahun 2019 dan 2020, mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid bin Bador ada mengeluarkan kenyataan media bahawa Jho Low dipercayai bersembunyi di China. Namun, Kedutaan Besar China telahpun mengeluarkan kenyataan pada tahun 2020 menafikan bahawa Jho Low dilindungi oleh Beijing.